

## Akaun Booster-i OCBC

### Terma dan syarat

Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit

#### **1. Akaun Booster-i OCBC**

- 1.1. Akaun Booster-i OCBC ("Akaun") adalah akaun simpanan Islamik yang menawarkan kadar keuntungan tinggi dengan fleksibiliti sebuah akaun simpanan.

#### **2. Pelanggan yang Layak**

- 2.1. Pelanggan yang layak untuk Akaun Booster-i OCBC dirujuk sebagai "Pelanggan yang Layak". Pelanggan yang Layak perlu memenuhi kesemua kriteria dibawah:

- Individu yang merupakan pemastautin Malaysia, pemastautin tetap dan bukan pemastautin kecuali daripada negara-negara yang tidak diterima oleh OCBC Al-Amin Bank Berhad ("OCBC Al-Amin").
- Pelanggan yang berada dalam keadaan yang baik terhadap operasi akaun-akaun mereka dengan OCBC Bank (Malaysia) Berhad ("OCBC Bank") dan OCBC Al-Amin mengikut budi bicara mutlak pihak OCBC Al-Amin.

#### **3. Ciri-ciri Produk dan Kadar Keuntungan**

3.1	Deposit Permulaan Minimum	<p>Deposit permulaan minimum bagi Akaun Booster-i OCBC adalah RM500. Baki minimum untuk mengekalkan akaun adalah RM20. Akaun yang tidak berbaki secara berterusan untuk 90 hari akan ditutup. Pihak OCBC Al-Amin akan memaklumkan kepada anda melalui SMS atau apa-apa cara lain yang dikira sesuai sebelum akaun ditutup. Pengaktifan semula akaun yang telah ditutup adalah atas budi bicara mutlak pihak OCBC Al-Amin.</p>
3.2	Kadar Keuntungan	<p><b>1) Keuntungan Asas</b>  Anda akan mendapat Keuntungan Asas berdasarkan keseluruhan baki Akaun Booster-i OCBC. Kadar keuntungan asas diakru secara harian dan dikreditkan ke dalam Akaun Booster-i OCBC setiap akhir bulan, dibundarkan kepada 2 titik perpuluhan.</p> <p>Keuntungan Asas harian dikira berdasarkan formula dibawah:</p> $\text{Keuntungan Asas} = \text{Baki Harian} \times \text{Kadar Keuntungan Asas}^1 \times \frac{1}{365}$ <p><sup>1</sup>Kadar terkini boleh didapati di laman web OCBC Malaysia. Pihak OCBC Al-Amin berhak untuk mengubah kadar keuntungan dan boleh berbuat demikian dengan meletakkan notis di cawangan, di laman web OCBC Al-Amin atau di media massa.</p> <p><b>2) Keuntungan Bonus Kekayaan</b>  Tambahan ke atas Keuntungan Asas, anda akan menerima Keuntungan Bonus Kekayaan jika anda memenuhi keperluan membeli/melanggan produk kekayaan yang layak melalui pihak OCBC Al-Amin. Keuntungan Bonus Kekayaan akan dikira pada setiap akhir bulan berdasarkan Baki Purata Harian pada setiap akhir bulan tertakluk kepada had dan akan dikreditkan ke dalam Akaun Booster-i OCBC yang aktif di dalam jangkamasa 14 hari urus niaga (atau mana-mana hari OCBC Al-Amin dibuka untuk perniagaan, tidak termasuk hari Sabtu, hari Ahad dan cuti umum) pada bulan yang berikutnya atau lebih awal. Keuntungan Bonus Kekayaan dipenggal kepada 2 tempat perpuluhan.</p> <p>Jika anda tidak memenuhi keperluan dengan membeli/melanggan produk Kekayaan pada mana-mana bulan kalender, anda tidak akan menerima Keuntungan Bonus Kekayaan.</p> <p>Tiada Keuntungan Bonus Kekayaan akan dibayar ke dalam Akaun Booster-i OCBC anda jika jumlah keseluruhan bonus dalam sebulan itu kurang daripada RM0.01.</p>

	<p>Tiada Keuntungan Bonus Kekayaan akan dibayar ke dalam Akaun Booster-i OCBC anda jika akaun ditutup sebelum pembayaran Keuntungan Bonus Kekayaan.</p> <p>Keuntungan Bonus Kekayaan yang dibayar adalah berdasarkan kaedah pengiraan di bawah:</p> <p><math>'\text{Bonus Kekayaan}^2 = \text{Baki Purata Harian}^3 \times \text{Kadar Keuntungan Bonus Kekayaan} \times \frac{\text{Bilangan hari dalam sebulan}}{\text{Bilangan hari dalam setahun}}</math></p> <p><sup>2</sup><i>Keperluan Keuntungan Bonus Kekayaan (butiran dalam Lampiran untuk Bonus Kekayaan untuk Akaun Booster-i) tidak bergantung pada Keuntungan Asas.</i></p> <p><sup>3</sup><i>Baki Purata Harian ialah purata untuk baki harian akaun pada bulan kalender tersebut. Keuntungan Bonus Kekayaan dikira pada RM50,000 pertama ("Had Baki Purata Harian") Baki Purata Harian bergantung kepada pembelian/pelanggan produk Kekayaan anda.</i></p>
--	---

#### 4. Kelayakan Keuntungan Bonus Kekayaan

- 4.1. Keuntungan Bonus Kekayaan akan bermula dalam kalender bulan apabila Pelanggan yang Layak telah memenuhi kesemua keperluan, dan akan dibayar untuk keseluruhan "tempoh bonus". Pembelian produk Kekayaan dianggap selesai dilakukan pada tarikh efektif produk Kekayaan tersebut, iaitu selepas tamat tempoh rujukan percuma / tempoh pembatalan atau 14 hari selepas tempoh pembelian, tertakluk kepada mana-mana tempoh yang lebih lama, tanpa membatalkan pembelian. Tarikh efektif merujuk kepada tarikh permulaan produk takaful dan tarikh dagangan Unit Amanah-i. Sila rujuk Lampiran Keuntungan Bonus untuk Akaun Booster-i OCBC untuk Keuntungan Bonus Kekayaan, pembelian produk Kekayaan minimum yang diperlukan dan "tempoh bonus" yang telah ditentukan.
- 4.2. Keuntungan Bonus Kekayaan hanya akan dibayar untuk satu tempoh bonus tidak kira berapa kali seorang Pelanggan yang Layak mungkin layak menerima Keuntungan Bonus Kekayaan tersebut. Jika terdapat lebih daripada satu tempoh bonus, hanya tempoh bonus yang mempunyai Keuntungan Bonus Kekayaan yang tertinggi akan dipilih.
- 4.3. Setiap Pelanggan yang Layak berhak untuk menerima hanya satu Keuntungan Bonus Kekayaan atau Faedah Bonus Kekayaan (setiap satu "Pentaulahan Bonus Kekayaan") untuk kesemua Booster-i OCBC dengan OCBC Al-Amin dan Booster OCBC dengan OCBC Bank (setiap satu dirujuk sebagai "Akaun Layak"). Jika terdapat lebih daripada satu Akaun Layak berhak menerima Pentaulahan Bonus Kekayaan, maka Akaun Layak yang berhak menerima Pentaulahan Bonus Kekayaan yang tertinggi akan dibayar Pentaulahan Bonus Kekayaan; kesemua Akaun Layak yang lain tidak akan dibayar Pentaulahan Bonus Kekayaan. Sekiranya Pentaulahan Bonus Kekayaan adalah sama untuk kesemua Akaun Layak, maka Akaun Layak yang mempunyai nombor akaun yang terbesar akan menerima Pentaulahan Bonus Kekayaan.
- 4.4. Status akaun anda mestilah kekal aktif untuk menerima Keuntungan Bonus Kekayaan pada bulan tersebut. Sekiranya status akaun anda tidak aktif disebabkan oleh dorman, tertutup, terbeku, dimiliki oleh individual yang sudah meninggal dunia atau status-status lain yang dianggap tidak aktif oleh pihak OCBC Al-Amin, anda tidak akan menerima Keuntungan Bonus Kekayaan pada bulan tersebut.
- 4.5. Pelanggan produk Kekayaan yang sama memenuhi kriteria kelayakan minimum akan diagregatkan jika tarikh berkuat kuasa, selepas tempoh rujukan percuma/tempoh pembatalan atau 14 hari (yang mana lebih lama), jatuh pada bulan kalender yang sama.
- 4.6. Untuk produk Kekayaan yang layak dengan caruman tetap, hanya caruman tahun pertama yang layak untuk Keuntungan Bonus Kekayaan, dengan syarat caruman tahun pertama memenuhi jumlah minimum yang diperlukan. Sebarang bayaran caruman melepas tahun pertama tidak akan layak untuk Bonus Kekayaan.
- 4.7. Pelanggan yang Layak harus menjadi pemegang tunggal sijil atau pemegang akaun utama untuk produk kekayaan yang layak.
- 4.8. Produk Kekayaan yang layak yang kemudianya ditamatkan, dibatalkan, dimansuhkan atau diterbalikkan tidak akan diambil kira. Sekiranya Keuntungan Bonus Kekayaan telah diberikan, pihak OCBC Al-Amin berhak untuk mendebit semula jumlah Keuntungan Bonus Kekayaan yang telah dikreditkan sebelum ini.

- 4.9. Jika produk Kekayaan Pelanggan yang Layak matang atau dijual sebelum tamat tempoh Bonus Kekayaan, Keuntungan Bonus Kekayaan akan terus dibayar.
- 4.10. Kadar keuntungan terkini dan senarai produk Kekayaan yang layak untuk Keuntungan Bonus Kekayaan boleh didapati di laman web OCBC Malaysia. Untuk mengelakkan keraguan, pihak OCBC Al-Amin berhak untuk mengubah kadar Keuntungan Bonus Kekayaan dan senarai produk kewangan yang layak untuk Keuntungan Bonus Kekayaan, had Baki Purata Harian untuk pengiraan Keuntungan Bonus Kekayaan dan tempoh bonus yang telah ditentukan, dengan budi bicara yang tunggal dan mutlaknya dari semasa ke semasa dengan notis terlebih dahulu.

## **5. Terma dan syarat lain**

- 5.1. Semua terma dan syarat sedia ada yang digunakan untuk produk dan perkhidmatan pihak OCBC Al-Amin yang dirujuk di dalam terma dan syarat ini, termasuk dan tidak terhad kepada terma dan syarat yang digunakan untuk akaun deposit pihak OCBC Al-Amin akan terus digunakan. Sekiranya terdapat percanggahan, terma dan syarat ini akan digunakan hanya sejauh mana ia mentadbir hak dan obligasi Pelanggan yang Layak di bawah Akaun Booster-i OCBC.
- 5.2. Terma dan Syarat ini harus dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Utama – Akaun dan Perkhidmatan, Lembaran Maklumat Produk, Lembaran Pendedahan Produk Kekayaan, Ilustrasi Jualan Produk Kekayaan, Risalah Produk Kekayaan, Helaian Sorotan Produk dan Prospektus Dana, yang mana berkenaan.
- 5.3. Terma dan Syarat di dalam ini adalah tertakluk dalam semua aspek kepada undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak harus menurut kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.
- 5.4. OCBC Al-Amin boleh, selepas memberi notis 21 hari kalender, mengubah suai terma dan syarat ini dengan menambah, membuang, menarik balik, menggantung, menamatkan atau mengubah mana-mana terma dan syarat dan manfaat. Pihak OCBC Al-Amin, secara munasabah dan selepas memberi notis dahuluan boleh mengubah Kadar Keuntungan Asas, Kadar Keuntungan Bonus Kekayaan, dsb. Apa-apa modifikasi atau perubahan boleh dimaklumkan kepada anda dengan memaparkan notis umum di mana-mana cawangan OCBC Al-Amin atau laman web atau media massa dan notis itu akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut.
- 5.5. Sekiranya terdapat apa-apa perubahan dalam pengawalseliaan dan/atau polisi kewangan oleh Bank Negara Malaysia, Persatuan Bank-Bank Malaysia, dan mana-mana badan pentadbiran yang berkaitan, kadar keuntungan akan disemak semula sewajarnya and kadar yang disemak semula ini akan berkuat kuasa pada tarikh yang tertera dalam notis/pengumuman. Pemberitahuan perubahan ini akan dibuat melalui pengumuman yang dipaparkan di cawangan atau di laman web OCBC Al-Amin atau mana-mana cara yang dianggap sesuai oleh OCBC Al-Amin.
- 5.6. OCBC Al-Amin tidak bertanggungjawab ke atas sebarang keingkaranyang disebabkan oleh sebarang tindakan Tuhan, peperangan, rusuhan, mogok, keganasan, wabak, penguncutan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau apa-apa peristiwa di luar kawalan munasabah OCBC Al-Amin, kecuali kerugian yang berpunca daripada kecuaian OCBC Al-Amin.